المَوَاعِظ الحَسَنة

Nasihat Mulia

Sebagai pembuka
mata hati
dan peringatan bagi
mereka yang mahu
kembali kepada Allah ﷻ

Dr. Mahmoud MrGlani



PERSATUAN AS-SYAZILIYYAH

Persatuan Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia
Hakcipta karya asal © Dr Mahmoud MrGlani
Cetakan Pertama April 2015

Cetak rompak ertinya makan haram, menyalahi undang-undang dunia dan Akhirat. Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengulang siar mana-mana bahagian artikel, illustrasi dan isi kandungan buku dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis *Persatuan Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia*

Diterbitkan oleh
Persatuan Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia
BAIT SYDNA ABDUN NASIR AL-HASANI
No. 2 Jalan Gunung Nuang U11/9A, Bukit Bandaraya SS U11,
40170 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Bahan-bahan untuk buku ini telah dihimpun oleh muridin dan muridat Sidna As-Syeikh Al-Kamil As-Syarif Abdun Nasir Al-Hasani As-Syazili, selanjutnya digarap dan ditulis oleh Ustaz Rahmat Muhamad As-Syazili
013-6437075
rahmatshazlee@gmail.com

Penerbit Eksekutif
Dr Mahmoud MrGlani

Penulis
Dr Mahmoud MrGlani

Penterjemah
Rahmat Muhamad As-Syazili

Editor
Noormizan Ahmad

Reka Bentuk kulit & Kandungan
Abdul Jalil Shukor

Diedar Oleh
Persatuan Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia

Dicetak Oleh
Percetakan FDZ
Bukit Serdang, Selangor.



Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia
Rahmat Muhamad




المواعظ الحسنة

Nasihat Mulia

Sebagai pembuka
mata hati
dan peringatan bagi
mereka yang mahu
kembali kepada Allah ﷻ


Makkah Al-Mukarromah


Al-Madinah Al-Munawwarah

Algeria (Setif) - Mesir (Al-Manzalah) - Malaysia - Indonesia - Tunisia - Singapura

المَوَاعِظ الحَسَنَة

Nasihat Mulia

Himpunan

As-Syeikh Yaacob Bin Muhammad Al-Mukhtar

Semoga Allah mengurniakan
maghfirah dan rahmat buatnya
serta para masyaikhnya dan
kedua orang tuanya

Diselenggarakan oleh

Dr. Mahmoud MrGlani

Penterjemah

Sofuh ShaZlee



Penghargaan

Usaha penerbitan karya ini
ku persembahkan
kehadrat guru yang membimbingku
menuju Allah
sandaranku, pendidik rohani
dan jasmaniku

Junjunganku

As-Syeikh Al-Kamil Abd. Nasir

Abu Bakr As-Siddiq

As-Syazili Al-Mashishi Al-Idrisi Al-Hasani

- Putera Wilayah Setif Algeria -



Wahai Anak Adam
Janganlah kamu
menjadi seperti pelita
di atas rumah
menerangi manusia
dengan membakar diri
dan kegelapan
jua di dalam isi

Daftar Isi

Prakata Penerbit

أعوذ بالله من الشيطان الرجيم

بسم الله الرحمن الرحيم

وصلى الله على سيدنا ومولانا محمد وآله وصحبه وسلم

Allah ﷻ telah berfirman dalam kitabNya yang agung mendorong para hambanya untuk mendengarkan pengajaran dan nasihat:

> *"Inilah (Al-Quran); penerangan kepada seluruh umat manusia, dan petunjuk serta pengajaran bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwa",*

dan firmanNya lagi:

> *"Wahai umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu Al-Quran yang menjadi nasihat pengajaran dari Tuhan kamu, dan yang menjadi penawar bagi penyakit-penyakit batin yang ada di yalam dada kamu, dan juga menjadi hidayah petunjuk untuk keselamatan, serta membawa rahmat bagi orang-orang yang beriman",*

dan juga firmanNya:

> *"Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka dengan cara yang lebih baik; Sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah".*

Segala puji bagi Allah atas kurniaan Islam, syukur padaNya atas nikmat pendengaran, pengelihatan, kalam serta seluruh pancaindera dan anggota. Astaghfirullah dari segala dosa dan

kesalahan, dari semua kesilapan dan kelupaan. Selawat terbaik dan salam teragung buat baginda Nabi junjungan kita Muhammad yang merupakan insan terbaik, juga buat para ahli keluarga dan sahabatnya yang mulia; yang telah menjejaki perjalanan Rasul ﷺ menyeru kepada Allah ﷻ dengan hikmah dan pengajaran yang baik.

Amma ba'd. Adapun nasihat dan pengajaran itu sebahagian dari iman kerana Allah Taala telah berfirman bahawa ia:

> *"Sebagai hidayah petunjuk dan peringatan bagi orang-orang yang berakal sempurna",*

dan membuktikan penghayatan ini menjadi satu tanda kesempurnaan yakin sepertimana firman Allah Taala:

> *"(Al-Quran ini) sebuah Kitab Yang diturunkan kepadamu (Wahai Muhammad), oleh itu janganlah ada perasaan bimbang dalam dadamu mengenainya, supaya engkau memberi amaran Dengan Al-Quran itu (kepada orang-orang yang ingkar), dan supaya menjadi peringatan bagi orang-orang yang beriman".*

Maka seburuk-buruk manusia jahil itu ialah

orang yang jahil terhadap dirinya sendiri dan mengabaikan ehwal peribadinya sampailah masuk ke lubang kuburnya. Dan Baginda Nabi ﷺ telah pun bersabda:

> *"Orang cerdik ialah manusia yang mengawal dirinya dan beramal untuk bekal selepas mati, manakala orang bodoh ialah manusia yang menurut hawa nafsunya sambil berangan-angan Allah memberinya itu dan ini".*

Dan lagi sabda Nabi alihis solatu was salam:

> *"Adapun agama itu nasihat. (Para sahabat lantas bertanya): Untuk siapa ya Rasulullah? Jawab Baginda : Untuk Allah, untuk RasulNya, untuk kitabNya dan untuk golongan umum Muslimin serta para pemimpin mereka".*

Nasihat untuk Allah ialah dengan mengikut perintahNya, memperjuangkan agamaNya dan menurut segala hukumNya. Nasihat untuk Rasulullah ﷺ ialah dengan mengikut sunnahnya, memuliakan kaum kerabat Baginda dan belas kasihan terhadap umatnya. Nasihat terhadap kitabNya ialah dengan merenung ayat-ayatnya

dan menurut segala perintah serta menjauhi segala larangannya dan mengelokkan bacaannya. Nasihat kepada orang awam Muslimin ialah dengan mempertahankan kemuliaan mereka dan menjaga kehormatan mereka menolong mereka dalam setiap yang memberi faedah dan menolakkan segala yang mudharat. Maanakala nasihat kepada pihak pemerintah Muslimin ialah dengan mentaati para pemimpinnya melainkan pada perkara yang disepakati haramnya, serta tasdiq (percaya dan menerima) kepada keputusan ulama melainkan pada perkara yang tidak ditunjuk oleh ilmu, juga kepada para fuqara' (awliya) dengan taslim (tidak membangkang) atas perkara yang tidak patut diingkari keatasnya. Akhir kalam kami ucapkan :

Semua yang lillahi akan kekal berkepanjangan

Allah mendengar lagi melihat kepada amalan

Yang bukan lillahi akan putus tak kesudahan

Amalnya hampa tiada pembela tak dipertahan

Maha Suci Tuhanmu Tuhan yang Maha Mulia dari segala sifat kekurangan, salam keatas para rasul dan segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam.

ادع إلى سبيل ربك بالحكمة والموعظة الحسنة...

Serulah ke jalan Tuhanmu dengan hikmah dan nasihat yang baik...



Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Aku memuji-muji Allah Taala serta mengucap selawat dan salam keatas RasulNya yang teragung junjungan Baginda Nabi Muhammad -yang membawa khabar gembira dan ancaman- beserta ahli keluarganya, para sahabatnya dan seluruh para anbiya' wal mursalin.

Wa ba'du maka inilah kompilasi nasihat yang amat dalam sentuhannya, nukilan dari kitab Zabur baginda Nabi Daud عليه السلام serta dari kitab-kitab samawi yang telah diwahyukan Allah Taala kepada sejumlah rasul alaihimus solatu wassalam.

Wejangan Mulia

Kagum aku melihat orang percaya kematian bagaimana dia masih tertawa? Sedangkan Allah berfirman:

> *"Hendaklah mereka sedikit ketawa dan banyak menangis sebagai balasan atas apa yang mereka kerjakan".*

Kagum aku melihat orang percaya kubur bagaimana dia masih gembira? Kagum aku melihat orang percaya yaumul hisab (hari perhitungan) mengapa masih mengumpul harta dengan jalan dosa? Kagum aku melihat orang percaya kubur itu sempit mengapa masih ketawa?

Kagum aku melihat orang percaya Akhirat serta sengsara, nikmat dan keabadiannya mengapa masih tidak mengendahkannya? Kagum aku melihat orang percaya neraka dan siksanya mengapa masih tidur dan tak lari

darinya? Kagum aku melihat orang percaya syurga dan nikmatnya mengapa masih lena dan tidak menuntutnya? Kagum aku melihat orang percaya dunia akan sirna bagaimana masih bersenang hati dengannya?

Kagum aku melihat orang percaya dirinya itu alim lidah, jahil sanubari bagaimana dapat berjaya? Kagum aku melihat orang bersedih kekurangan harta tidak sedih umurnya berkurang, kagum aku melihat orang bersuci diri dengan air tidak pula suci hatinya, kagum aku melihat orang sibuk dengan keaiban orang lain dan melupakan keaiban dirinya!

Kagum aku melihat orang yang tahu Allah sentiasa meniliknya bagaimana dia menderhakaiNya? Kagum aku melihat orang yang tahu dirinya akan mati seorang diri, berbaring di kubur seorang diri, dihisab amalannya sendiri, maka bagaimana masih bermesra dengan manusia ramai? Mengapa masih belum bermesra dengan Tuhannya dan Rasulnya dengan ucapan: Tiada Tuhan Melainkan Allah Muhammad Pesuruh Allah Dengan Benar Dan Jujur.



Firman Allah Tabaraka Wa Taala: Aku bersaksikan diriKu dengan diriKu bahawa tiada Tuhan melainkan Aku semata tiada sekutu bagi kekuasaanKu dan Muhammad itu hambaKu serta RasulKu ﷺ. Barangsiapa tidak redha dengan qadha'Ku, tidak sabar dengan bala-Ku, tidak bersyukur atas nikmatKu, tidak cukup dengan pemberianKu maka keluarlah dia dari bawah kolong langitKu dan pergilah menyembah tuhan selainKu.

Barang siapa berpagi-pagi sambil bersedih terhadap perkara dunia maka seolah-olah berpaginya itu dalam keadaan marah kepadaKu. Barang siapa mengadu atas musibah yang menimpanya sesungguhnya dia telah mengadu keatasKu dan bukanlah Aku ini patut diadukan. Barangsiapa masuk mengadap orang kaya lalu merendah diri terhadapnya kerana kekayaannya maka tercabutlah dua pertiga dari agamanya.

Barang siapa menampar-nampar mukanya menangisi jenazah maka seolah-olah dia mengacu tombak mahu memerangi Tuhannya. Barangsiapa mematahkan ranting dari atas kubur maka seolah-olah dia meruntuh pintu Kakbah dengan tangannya. Barang siapa tidak peduli dari sumber mana dia mencari makan; apakah halal atau haram maka Allah tidak peduli entah dari pintu yang mana nanti dia akan dihumban ke neraka di hari Kiamat.

Barangsiapa tertawa di atas kubur maka seolah-olah dia membunuh enam puluh nabi dan membunuh kedua ibu bapanya. Barang siapa membuat dosa sambil ketawa pasti akan masuk neraka sambil menangis. Barang siapa mentaati Allah sambil menangis pasti akan masuk syurga sambil tertawa. Siapa yang tidak bertambah (ketaatan) dalam beragama maka kuranglah amalannya. Siapa yang kurang agamanya maka mati itu terlebih baik baginya dari hidup. Barang siapa beramal dengan ilmunya nescaya Allah akan mewariskannya ilmu yang belum diketahuinya. Barang siap memanjangkan angan-angannya tidaklah ikhlas amalannya.



Wahai Anak Adam! Barangsiapa merasa puas dengan sedikit maka kayalah dia. Barangsiapa meninggalkan hasad maka senanglah hatinya. Barangsiapa meninggalkan umpat dan adu domba kerana kasihkan Allah maka kasih Allah itu akan zahir pada dirinya. Barang siapa menahan kejahatan dirinya dari sampai kepada manusia maka selamatlah dia dari mereka. Siapa yang sedikit percakapannya sempurnalah akalnya. Siapa yang redha dengan yang sedikit sesungguhnya dia telah yakin dengan Allah Taala.

Wahai Anak Adam! Engkau tahu ilmu yang engkau tidak amalkan, maka bagaimana engkau menuntut ilmu yang tidak engkau amalkan?! Wahai Anak Adam! Engkau menghabisi umurmu menuntut dunia maka bilakah masanya lagi engkau akan menuntut apa yang boleh membawamu masuk ke syurga?! Wahai Anak Adam! Beramallah seolah-olah engkau akan mati esok hari, dan

janganlah engkau menumpuk harta seolah-oleh engkau akan kekal abadi.

Wahai dunia! Pemurahlah pada orang yang menuntutmu dan janganlah memberi kepada yang zuhud padamu. Jadilah engkau manis di mata mereka yang memandangmu dan cinta padamu.



Wahai Anak Adam! Barang siapa berpagi-pagi dengan loba pada dunia maka tiadalah dia bertambah melainkan makin jauh dari Allah, makin picik dunianya, makin payah akhiratnya dan seolah-olah dia berpagi-pagi itu dalam keadaan marah padaKu.

Dan barang siapa menuntut dunia maka Allah akan melazimkan di hatinya empat perkara; dukacita yang tak berkesudahan, kesibukan yang berkekalan, angan-angan yang tak kesampaian dan kefakiran yang tidak dapat dikayakan selama-lamanya.

Wahai Anak Adam! Setiap hari berkurangan dari umurmu sedangkan engkau tidak tahu apa yang berkurang darimu, setiap hari bahagianmu pada rezeki disempurnakan untukmu sedangkan engkau tidak memujiKu. Dengan yang sedikit tiada kau puas, dengan yang banyak tiada kau kenyang.

Wahai Anak Adam! Tidak datang hari yang baru melainkan rezekimu mendatangimu dari sisiKu. Tidak datang malam yang baru melainkan datang darimu malaikat membawa amalanmu yang jelek. Engkau makan rezekiKu seraya menderhaka padaKu, engkau berdoa padaKu lalu Aku perkenankan, kebaikanKu turun padamu dan kejahatanmu naik padaKu, maka Aku-lah sebaik-baik Tuhan dan Penolong buatmu! Sedangkan engkaulah seburuk-buruk hamba buatKu.

Engkau meminta padaKu lalu Aku memberimu, satu persatu keburukanmu Ku tutup, satu persatu keaibanmu Ku sembunyikan. Aku malu denganmu sedang engkau tidak malu denganKu. Engkau melupakanKu dan mengingat selainKu, engkau takut pada manusia tidak takut padaKu, -maka inilah makna firman Allah:

"Mereka menyembunyikan (kejahatan mereka) daripada manusia, dalam pada itu mereka tidak menyembunyikan (kejahatan mereka) daripada Allah..."

engkau takut kemarahan manusia dan tidak gentar dengan murkaKu.



Wahai Anak Adam! Jangan kau jadi orang yang menangguhkan taubat, memanjang angan-angan dan mengharap Akhirat tanpa amalan, berkata kalam pendusta dan beramal amalan munafik, jika diberi tidak merasa puas, jika tak diberi tidak sabar, menyuruh kebaikan tapi diri sendiri tidak mengerjakannya, menegah kejahatan tapi diri sendiri melakukannya, menyintai kaum solihin sedangkan diri tidak seperti mereka, membenci kaum munafikin sedangkan diri termasuk mereka, berkata apa yang tidak dibuatnya dan berbuat apa yang tidak disuruh serta menuntut dapat

dengan sempurna tapi bila mengerjakan amalan tidak dibuat dengan sempurna.

Wahai Adak Adam! Tidaklah datang setiap hari yang baru melainkan sertanya bumi berkata padamu: Hei Anak Adam! Engkau berjalan di atas permukaanku dan akhirnya engkau masuk ke perutku. Engkau ketawa di atas permukaanku kemudian menangis di dalam perutku. Engkau gembira di atas permukaanku kemudian bersedih di dalam perutku. Engkau berbuat dosa di atas permukaanku kemudia diazab di dalam perutku. Dengan syahwatmu engkau makan di atas permukaanku kemudian ulat memakanmu di dalam perutku wahai manusia tertipu!

Kubur pula berkata: Aku adalah satu lubang neraka jika engkau derhaka, aku adalah satu taman syurga jika engkau taat. Hei Anak Adam! Akulah rumah kesepian, akulah rumah keseorangan, akulah rumah kegelapan, akulah rumah kesempitan, akulah rumah soal siasat, akulah rumah yang mengerikan, akulah rumah ular melingkar, akulah rumah kala jengking, akulah rumah kehausan, akulah rumah kelaparan, akulah rumah tersingkap segala keaiban, akulah

rumah api menyala-nyala, akulah rumah tempat timbangan amal, akulah rumah yang penuh kejahatan, akulah rumah setiap kejahatan melainkan bagi mereka yang dirahmati Allah yang Dia itulah Tuhan yang Maha Mengasihani. Maka makmurkanlah aku dan janganlah mencuaikanku.



Wahai Anak Adam! Aku tidak menciptakanmu dengan sia-sia. Aku tidak membiarkanmu begitu saja. Aku tidak menciptakanmu untuk meramaikan bilangan sedikit, tidak juga untuk bermesra denganmu kerana sunyi, bukan juga untuk meminta tolong darimu mengerjakan sesuatu yang tak mampu Ku lakukan. Aku tidak menciptakanmu untuk mendatangkan kemanfaatan buatKu, tidak juga untuk menolak kemudharatan dariKu. Maha Agung Aku!

Bahkan Aku menciptakanmu supaya engkau beribadah kepadaKu berkepanjangan,

supaya engkau banyak-banyak bersyukur kepadaKu, supaya engkau bertasbih kepadaKu pagi dan petang.

Kalaupun semua kamu dari yang awal hingga yang akhir, yang hidup dan yang mati, yang kecil dan yang besar, yang merdeheka dan yang hamba, yang lelaki dan yang perempuan, yang manusia dan yang jin dan segala ciptaan yang lainnya; jika kamu semua mentaatiKu maka ketaatanmu itu takkan menambah walau sebesar zarah pun pada kekuasaanKu.

Kalaupun semua kamu dari yang awal hingga yang akhir, yang hidup dan yang mati, yang kecil dan yang besar, yang merdeheka dan yang hamba, yang lelaki dan yang perempuan, yang manusia dan yang jin dan segala ciptaan yang lainnya; jika kamu semua menderhakai Aku maka itu takkan mengurangkan walau sebesar zarah pun dari kekuasaanKu. -Itulah firman Allah Taala-:

"Dan sesiapa yang berjuang (mentaati Allah) maka sesungguhnya dia hanyalah berjuang untuk kebaikan dirinya sendiri; sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak berhajat suatu apa pun) daripada sekalian makhluk".

Wahai Anak Adam! Seperti mana kamu melakukan seperti itu jualah kamu akan dibalas, bagaimana kamu beramal begitulah kamu akan diganjari dan seperti mana kamu bercucuk tanam maka begitulah kamu akan menuai hasil.

Wahai Anak Adam! Wahai para penyembah dinar dan dirham! Sesungguhnya tidaklah Aku



menciptakan untukmu wang dinar dan dirham itu melainkan untuk kamu makan rezekiKu, untuk kamu memakai pakaian dariKu, untuk kamu bersuci murni pada beramal untukKu. Tapi kamu mengambil kitabKu dan memijaknya di bawah tapak kakimu, kamu mengangkat dunia dan menjungjungnya di atas kepalamu, kamu meninggikan rumahmu dan merendahkan rumahKu. Kamu menghiasi rumahmu dan menjelekkan rumahKu, kamu memeriahkan rumahmu dan menyepikan rumahKu. Maka bukanlah kamu golongan

akhyar, bukanlah kamu golongan merdeka, bukanlah kamu golongan abrar bahkan kamu adalah golongan hamba abdi dunia dan para penumpuk hartanya.

Orang sepertimu di dunia ibarat kubur yang dibangun megah; diluarnya nampak cantik di dalamnya hodoh. Maka begitulah kamu membaikkan keaadan dirimu untuk dilihat manusia, kamu tuntut kasih mesra mereka dengan lidahmu yang manis dan zahirmu yang indah sedangkan kamu menjauhkan diri dariKu dengan hatimu yang keras dan amalanmu yang jelek.

Wahai Anak Adam! Janganlah kamu menjadi seperti pelita di atas rumah menerangi manusia dengan membakar diri dan kegelapan jua di dalam isi.

Wahai Anak Adam! Serunai di kubur si mati sudah tidak memberi erti, begitulah ibaratnya dirimu dengan kata-katamu yang baik sedangkan amalanmu jelek.

Wahai Anak Adam! Sucikan amalanmu untukKu dari riya' lalu mintalah padaKu, sesungguhnya Aku memberi lebih banyak dari apa yang diminta oleh pemohon.



Wahai Anak Adam! Aku tidak menciptakanmu dengan sia-sia. Aku tidak membiarkanmu begitu saja. Aku tidak leka dari apa yang kamu kerjakan. Sesungguhnya kamu takkan mencapai syurgaKu melainkan dengan sabar menghadapi kesusahan demi mencapai redhaku. Dan sabar pada mentaatiKu itu lebih mudah bagimu dari sabar dalam meninggalkan maksiat terhadapKu.

Meninggalkan dunia itu lebih mudah bagimu dari meminta keuzuran, meninggalkan kezaliman itu lebih mudah bagimu dari kepanasan neraka, azab dunia itu lebih mudah bagimu dari azab Akhirat. Sesungguhnya azab dunia itu ada akhirnya dan tidak kekal, sedangkan azab akhirat itu tiada akhirnya dan tanpa penghujung.

Wahai Anak Adam! Semua kamu adalah sesat melainkan yang Ku beri petunjuk padanya, semua kamu adalah sakit melainkan yang Ku sembuhkan dia, semua kamu adalah

binasa melainkan yang Ku selamatkan dia, semua kamu adalah fakir melainkan yang Ku kayakan dia, semua kamu berbuat jahat melainkan yang Ku jaga ia. Maka bertaubatlah kamu kepada Tuhanmu, sambungkanlah tali silatur rahim antara kamu, janganlah kamu membuka keaibanmu di sisi Dia yang tidak tersembunyi padanya segala rahsiamu; tiada Tuhan melainkan Dia yang Maha Perkasa lagi Maha Hakim.



Wahai Anak Adam! Janganlah kamu melaknat makhluk, nanti laknat itu kembali padamu.

Wahai Anak Adam! Sesungguhnya telah Ku ciptakan langit dan bumi di ruang angkasa tanpa tiang dengan satu isim dari asma'Ku, maka tidakkah patut hati-hatimu sudah menjadi lurus dengan seribu nasihat dari kitabKu.

Wahai Anak Adam! Sepertimana pesakit tidak dapat menghindari kematian dan sepertimana air tidak dapat melembutkan batu, begitulah tidak bergunanya nasihat yang banyak pada hatimu yang keras.

Wahai Anak Adam! Siapapun darimu takkan dapat minum air menghilang dahaga melainkan diberi olehKu, siapa pun takkan takut pada neraka dan takkan merasa mahu menghindari kemurkaan Tuhan yang Maha Rahman melainkan dengan rahmatKu jua.

Wahai Anak Adam! Bagaimana kamu mendakwa diri sebagai hamba Allah sedangkan kamu mendurhakaiNya? Bagaimana kamu mengira bahawa kematian itu benar sedangkan kamu membencinya? Bagaimana kamu menucapkan dengan lidahmu apa yang tidak berada di hatimu dan kamu mengira itu enteng sedangkan di sisi Allah besar hitungannya.



Wahai manusia, sesungguhnya telah datang kepadamu satu peringatan dari Tuhanmu beserta penawar bagi apa yang ada di dalam dada, petunjuk dan rahmat bagi orang-orang yang beriman. Wahai manusia, sesungguhnya telah datang padamu keterangan dari Tuhanmu dan Kami turunkan kepadamu cahaya yang terang.

Wahai manusia, aku mendapatimu tidak berbuat baik melainkan kepada yang berbuat baik padamu, kamu tidak berhubung melainkandenganyangberhubungdenganmu, kamu tidak berbicara melainkan dengan yang berbicara denganmu, kamu tidak menjamu makan melainkan pada yang menjamu makan padamu, kamu tidak memuliakan melainkan pada yang memuliakanmu, maka antara sesama-mu tiada yang lebih baik dari yang lain.

Sesungguhnya golongan mukminun dan yang beriman dengan Allah dan rasulNya adalah mereka yang berbuat baik kepada yang berbuat jahat terhadap mereka, mereka menghubungi orang yang memutuskan hubungan dengan mereka, mereka memberi makan kepada yang tidak memberi pada mereka, mereka berhati-hati terhadap yang memperdaya mereka, mereka berbicara kepada yang memulaukan mereka, mereka memuliakan orang yang khianat pada mereka, mereka memaafkan orang yang menzalimi mereka, dan sesungguhnya Aku adalah Tuhan yang Maha Mengetahui lagi Maha Memberi Khabar.

Nasihat Kesepuluh

Wahai manusia! Sesungguhnya dunia adalah rumah bagi mereka yang tidak bertempat tinggal, dunia adalah harta bagi yang tidak punya harta dan untuk dunialah orang yang tidak berakal menumpuk-numpuk.

Mereka yang tak punya yakin bersuka cita dengan dunia, loba keatasnya orang yang tak punya tawakkal, menuntut syahwatnya orang yang tak punya makrifat. Bagi yang berkehendak kepada nikmat yang tidak kekal serta kehidupan yang berakhir dan syahwat yang sirna maka tuntutlah dunia. Dan barangsiapa menuntut dunia sesungguhnya dia telah menzalimi diri sendiri, mendurhakai Tuhannya, melupakan akhiratnya dan telah terpesona dengan dunia.

Wahai Anak Adam! Berapa banyak pelita telah dipadam angin. Berapa banyak orang tercerobos oleh nikmat, berapa banyak orang keji yang dipuji, berapa banyak raja yang dapat

dikuasai dengan sabar terhadapnya, berapa banyak orang tertipu dengan keafiatan yang berterusan. Semua itu membenarkan firman Allah Taala:

> *"Jangan sekali-kali engkau (wahai Muhammad) terpedaya oleh usaha gerakan orang-orang kafir di dalam negeri (yang membawa keuntungan-keuntungan kepada mereka). (Semuanya) itu hanyalah kesenangan yang sedikit, (akhirnya akan lenyap), kemudian tempat kembali mereka neraka Jahannam: dan itulah seburuk-buruk tempat ketetapan".*

> Dan juga Firman Allah Taala:
>
> *"Dan tinggalkanlah kamu dosa yang nyata dan yang tersembunyi kerana sesungguhnya orang-orang yang berusaha melakukan dosa, mereka akan dibalas dengan apa yang telah mereka lakukan".*

Wahai Anak Adam! Berkerjalah denganKu dalam pertanian, perniagaan dan pinjamlah dariKu serta bermuamalat kamu denganKu. Sesungguhnya keuntunganmu disisiKu adalah apa yang tak pernah dipandang mata,

tak pernah didiengar telinga dan tak pernah terlintas di hati manusia. KhazanahKu tidak pernah habis, kekuasaanKu tidak pernah berkurangan dan Aku adalah Tuhan yang Maha Memberi Kurnia lagi Maha Pemurah. Firman Allah dalam Al-Quran:

> *"Maka tiada seorang pun yang mengetahui satu persatu persediaan yang telah dirahsiakan untuk mereka (dari segala jenis nikmat) yang amat indah dipandang dan mengembirakan, sebagai balasan bagi amal-amal soleh Yang mereka telah kerjakan".*



Wahai Bani Israel! Ingatlah kamu terhadap nikmat yang telah Aku kurniakan padamu, penuhilah janjimu terhadapKu nescaya Aku penuhi janjiKu terhadapmu dan hendaklah kamu sekalian gerun terhadapKu.

Sepertimana kamu takkan dapat berjalan lurus melainkan dipandu penunjuknya maka begitu jugalah kamu takkan dapat menempuh jalan ke syurga melainkan dengan ilmu dan amal soleh. Sepertimana kamu tiadak dapat mengumpul harta melainkan dengan sebab musababnya maka begitu jugalah kamu takkan dapat masuk ke syurga melainkan dengan sabar atas ibadah kepadaKu. Maka bertaubatlah kamu dengan amalan nawafil kebaikan, tuntutlah redhaKu dengan mendapat keredhaan orang-orang miskin nescaya Aku redha padamu, carilah rahmatKu dengan bergaul kepada alim-ulama maka sesungguhnya rahmatKu tidak lekang dari mereka walau sekerdip mata.

Allah mewahyukan kepada Musa عليه السلام : Wahai Musa dengarlah kata-kataKu dan kebenaran jualah kataKu itu. Sesungguhnya barang siapa menyombong diri terhadap orang miskin nescaya Aku bangkitkan dia di hari Kiamat dalam keadaan sebesar zarah yang dipijak-pijak oleh tapak kaki manusia. Dan barang siapa merendah diri kepada seorang alim atau kedua orang tuanya nescaya secara diam-diam Allah akan mengangkat kedudukannya di dunia, manakala di Akhirat secara terang-terangan. Barang siapa menyelak aurat (mempermalukan) seorang muslim nescaya Allah akan menyelak auratnya tujuh puluh kali. Barang siapa menolong kefakiran seorang mukmin nescaya dia di dunia akan dijabat tangannya oleh para malaikat secara rahsia manakala di Akhirat secara terang-terangan.



Wahai Anak Adam! Taatilah aku sekadar keperluanmu padaKu. Derhakailah Aku sekadar kesabaranmu menahan siksa neraka. Tuntutlah penghasilan dunia sekadar masa engkau tinggal padanya. Carilah bekal untuk kematian sekadar lama engkau bertempat di kubur. Janganlah engkau menilik pada ajalmu yang masih belum sampai dan rezekimu yang di depan mata serta dosamu yang dianggap remeh. Segalanya akan binasa melainkan Dia, bagiNya hukum ketentuan dan kepadaNya-lah kamu kembali.

Nasihat Ketiga Belas

Wahai Anak Adam! Berapa banyak pelita yang dipadam angin, berapa banyak abid dirosak oleh ujub, berapa banyak si kaya yang dirosak oleh kekayaan, berapa banyak si fakir yang dirosak oleh kefakiran. Berapa banyak si sihat yang dirosak oleh kesihatan dan berapa banyak si alim dirosak oleh ilmu.

Kalaulah bukan kerana orang-orang tua yang rukuk, para pemuda yang khusyu', bayi-bayi yang menyusu, binatang ternak yang berkeliaran, anak-anak kecil yang mengaji Al-Quran dan kitab-kitab Allah, solat dhuha, wanita-wanita yang taat pada suami, qiyamul lail dan para malaikat penanggung arash – kalaulah bukan kerana mereka itu- nescaya sudah Aku tukar langit di atasmu menjadi besi, bumi menjadi bongkah ais, tanah menjadi abu, dan dari langit takkan Ku turunkan hujan ke atasmu walau setitik, takkan Ku tumbuhkan untukmu walau satu benih pun di muka bumi dan akan Ku tuangkan azab keatasmu dengan pasti.



Wahai Anak Adam! Peliharakanlah agamamu, amalanmu serta darah dan dagingmu. Maka jika rosak agamamu rosaklah amalmu, darahmu dan dagingmu. Jika baik agamamu maka baiklah amalmu, darahmu dan dagingmu.

Wahai Anak Adam! Janganlah engkau jadi seperti pelita yang membakar diri menerangi manusia. Keluarkanlah cinta dunia dari hatimu kerana sesungguhnya aku selama-lamanya takkan menghimpun cintaKu bersama cinta dunia dalam satu jiwa. Di dalam hati seorang mukmin selama-lamanya takkan berhimpun cinta dunia dan cinta akhirat sepertimana air dan api tak pernah dapat berhimpun dalam satu bejana.

Wahai Anak Adam! Kasihanilah dirimu dalam engkau mencari rezeki mengumpul perkara yang akan binasa jua. Janganlah engkau melelahkan dirimu kerana sesungguhnya rezeki itu sudah dibahagi-

bahagi, orang yang loba akan hampa, si bakhil tercela, kenikmatan dunia tidak kekal lama, sehabis periksa itu malang, sedangkan ajal pula sudah tetap dan kebenaran itu jelas difaham.

Sebaik-baik hikmat itu takut kepada Allah, sebaik-baik kekayaan itu sifat qana'ah (rasa cukup), sebaik-baik bekal ialah taqwa kepada Allah, sebaik-baik semaian di hati ialah keyakinan, sebaik-baik kurniaan ialah afiat.

Sejahat-sejahat senjatamu ialah dusta, sejahat-jahat nasihat ialah adu domba dan sekali-kali Tuhanmu tidak menzalimi hamba-hambaNya.



Wahai orang-orang yang beriman! Mengapa kamu memperkatakan apa yang kamu tidak melakukannya! Amat besar kebencian di sisi Allah apabila kamu memperkatakan sesuatu yang kamu tidak melakukannya. Berapa banyak kamu melarang sesuatu yang kamu

sendiri tidak meninggalkannya? Berapa banyak kamu menyuruh apa yang kamu sendiri tidak mengerjakannya?

Berapa banyak kamu berkata lalu sengaja berbohong padanya? Berapa banyak kamu menumpuk harta yang kamu tidak memakannya? Berapa banyak kamu mencita sesuatu yang tidak kamu mencapainya? Berapa banyak kamu menangguh taubat dari hari ke hari, bulan ke bulan, tahun ke tahun? Berapa banyak kamu memandang kepada apa yang Allah haramkan keatasmu dari memandangnya?

Apakah kamu selamat dari kematian? Atau kamu sudah mendapat jaminan lepas dari neraka? Atau kamu sudah pasti mendapat syurga? Atau kamu sudah beroleh janji Tuhan yang Maha Rahman dan Rahim mendapat keampunanNya?

Apakah nikmat telah membuat engkau melampau? Apakah ihsan telah merosakkanmu? Apakah tinggi pengharapanmu terhadap Allah menjadikan engkau terpesona?

Janganlah kesihatan dan keselamatan menipumu sedangkan hari-harimu sudah

pasti, nafasmu dihitung, rahsia-rahsiamu akan terbongkar dan tembelangmu akan pecah. Maka takutlah pada Allah wahai orang yang punya hati nurani semoga kamu beroleh kejayaan.

Wahai Anak Adam! Majulah kepadaku dengan amalanmu kerana sesungguhnya umurmu makin tinggal sedikit, sejak hari keluarmu dari perut ibumu engkau semakin hari semakin dekat dengan kubur hingga engkau masuk ke perutnya pula.

Wahai Anak Adam! Hidupmu di atas dunia ibarat lalat di dalam madu, jika lalat itu memakan madu bererti ia akan melekat dan mati di situ, maka begitulah keadaanmu dengan dunia. Lalu janganlah engkau menjadi kayu yang membakar diri dengan nyalaan api untuk menerangi orang lain.



Wahai Anak adam! Kerjakanlah suruhanKu padamu dan tinggalkanlah laranganKu keatasmu. Janganlah engkau menjadi dirimu hidup yang tidak mahu mati selama-lamanya sedangkan Aku-lah Tuhan yang Maha Hidup lagi takkan mati, jika Aku berkehendak sesuatu hanya aku katakan:

Jadi! Maka terjadilah ia.

Wahai Anak Adam! Jika bicaramu manis sedang amalmu buruk maka engkaulah kepala kaum munafik. Jika zahirmu baik sedang batinmu jelek maka engkau termasuk golongan binasa. -Itulah yang difirmankan Allah Taala di dalam Al-Quran-:

"Mereka menipu daya Allah dan orang-orang mukmin sedangkan yang mereka tipu hanyalah diri mereka sendiri dan mereka tidak menyedarinya".

Wahai Anak Adam! Tidak akan masuk ke syurgaKu melainkan hamba yang merendah

diri kepada keagunganKu,memenuhi harinya berzikir mengingatiKu, sanggup dia menahan syahwatnya demi keranaKu, tidak menyakiti orang merantau, melindungi si fakir, mengasihi si miskin, memuliakan anak yatim seperti bapa yang penyayang, umpama suami yang santun dan abang kandung kepada para janda. Barang siapa yang begini sifatnya di dunia maka dialah antara kalangan wali dan pilihanKu, jika dia berdoa nescaya Aku kabulkan, jika dia meminta nescaya Aku berikan, sekalipun dia tidak meminta padaKu namun Aku pasti takkan melupakannya.



Wahai Anak Adam! Sampai bila engaku mahu mengadukan Aku kepada makhlukKu sedangkkan Aku tidak patut diadukan. Sampai engkau engkau harus melupakanKu mengingati selainKu sedangkan Aku tidak pernah membiarkanmu. Sampai bila engkau harus kufur kepadaku sedangkan sekali-kali Aku tidak zalim pada hamba-hambaKu. Sampai bila engkau harus menyangkal nikmatKu sedangkan tiada yang memberi padamu selainKu.

Sampai bila harus engkau meringan-ringankan kitabKu sedangkan tidak Ku taklif padamu apa yang tak mampu engkau kerjakan. Sampai bila engkau harus menjauhiKu sedangkan Aku tak pernah menjauhiMu. Sampai bila engkau harus memuji selainKu sedangkan engkau tidak bertuhan selain Aku yang patut dipuji.

Jika engkau bertemu tabib katamu padanya siapakah yang dapat menyembuh sakitku,

maka siapakah yang dapat menyembuhkan selainKu. Dan engkau berkata masa telah menentukan itu, zaman telah membuat ini sedangkan Aku-lah Tuhan masa dan zaman itu.

Bila aku menurunkan hujan yang lebat katamu kita diberi hujan dari bintang nujum si polan; sesungguhnya kamu telah kufur padaKu dan beriman dengan nujum sedangkan Aku-lah yang mengutus padamu rahmatKu dengan kadar yang sudah tetap berat timbangan, bilangan dan bahagiannya.

Bila seorang darimu tidak mendapat makan tiga hari maka katanya diriku sengsara tidak bahagia; sesungguhnya kamulah yang telah menyangkal nikmatKu, barang siapa enggan mengeluar zakat hartanya sesungguhnya dia telah meringan-ringankan kitabKu, jika sudah diketahuinya masuk waktu solat tapi tidak diendahkan maka sesungguhnya dia telah lalai dariku lagi tidak mendatangiKu.



Wahai Anak Adam! Sabarlah mentaatiKu. Rendahkan dirimu padaKu maka Aku akan mengangkat kedudukanmu. Bersyukurlah padaKu akan Ku tambah padamu. Beristighfarlah padaKu akan Ku beri ampunan. Berdoalah padaKu akan Aku perkenankan doamu. Bertaubatlah padaKu akan Ku beri taubat padaMu. Mintalah padaKu akan Aku anugerahimu. Bersedekahlah keranaKu akan Ku berkati rezekimu. Sambungkan silatur rahim-mu akan Ku panjangkan umurmu. Mintalah dariKu keafiatan dengan cara memperbanyakkan diam kerana sesungguhnya Aku telah menjadikan keselamatan itu pada menyendiri, keikhlasan pada warak, zuhud pada meninggalkan dunia dengan taubat, ibadat dengan meninggalkan kenyang, dan bagaimana pula engkau menuntut kekayaan tanpa sifat qana'ah.

Wahai Anak Adam! Bagaimana engkau ingin ibadat dengan banyak kenyang?

Bagaimana engkau ingin cinta Allah dengan cinta dunia? Bagaimana engkau ingin terang hati dengan banyak tidur? Bagaimana engkau ingin takut Allah dengan takut fakir? Bagaimana engkau ingin warak dengan loba pada dunia? Bagimana engkau ingin redha Allah sambil engkau menghinakan orang miskin? Bagaimana engkau ingin bertemu Allah dengan sifat bakhil? Bagaimana engkau inginkan hikmah sedang engkau cinta dunia, pujian dan sanjungan? Bagimana engkau ingin kebahagiaan dengan sedikit ilmu?

Nasihat Kesembilan Belas

Wahai Anak Adam! Tiada kehidupan yang lebih baik dari tadbir. Tiada warak yang lebih baik dari menghindar yang haram. Tiada kemegahan yang lebih baik dari akhlak mulia. Tiada nasab yang lebih tinggi dari adab kesopanan. Tiada pensyafaat yang lebih baik dari taubat. Tiada ibadah yang lebih baik dari ilmu. Tiada kesolehan yang lebih baik dari takutkan Allah. Tiada akal yang lebih baik dari sabar. Tiada ibadat yang lebih elok dari taufik. Tiada rakan yang lebih mulia dari akal. Tiada kawan yang lebih jahat dari kebodohan. Tiada teman yang lebih mudah dari ilmu.

Wahai Anak Adam! Penuhkan waktu beribadat kepadaku nescaya Ku penuhi hatimu dengan kekayaan, tanganmu dengan rezeki dan jasmanimu dengan kerehatan. Janganlah engkau lupa dari mengingatiKu nescaya akan Ku penuhi hatimu dengan kefakiran, tanganmu dengan keletihan,

jasmanimu dengan kelelahan dan dadamu dengan kedukaan. Jika engkau melihat kepada baki umurmu nescaya engkau akan meninggalkan dunia serta zuhud padanya.

Wahai Anak Adam! Aku telah menguatkanmu untuk mentaatiKu supaya engkau menunaikan perintahKu. Aku beri rezeki padamu tapi dengan rezeki itu engkau menderhaka padaKu. Aku beri padamu nikmat kekuatan lalu engkau pun bangun duduk dan pergi balik. Dalam perlindunganKu engkau berpetang dan pagi. Dengan kurniaKu engkau hidup, engkau diselimuti nikmatKu, engkau dihiasai keafiatan dariKu tapi engkau melupakanKu. Aku memberi padamu tapi engkau mengingat selainKu dan tidak menunai kesyukuran padaKu.



Wahai Anak Adam! Kematian akan membongkar rahsiamu. Kiamat akan menguji perkhabaranmu. Akhirat dan hari kebangkitkan akan menyingkap keaibanmu. Jika engkau jatuh pada dosa kecil maka janganlah dipandang kecilnya dosa itu, tapi pandanglah kepada siapa yang engkau berbuat maksiat, sesungguhnya engkau tidak tahu dengan dosa yang mana satukah engkau mengundang murkaNya.

Jika engkau mendapat rezeki sedikit maka janganlah dilihat pada sedikitnya itu, tapi lihatlah kepada siapa yang memberi rezeki itu padamu. Maka janganlah sekali-kali engkau meremehkan dosa-dosa kecil kerana sesungguhnya engkau tidak tahu pada dosa kecil yang mana satukah datang murkaNya padamu dan engkau tidak tahu tertutupnya pintu langit dari menerima doamu itu apakah disebabkan dosa besar atau dosa kecil. Lalu janganlah engkau merasa aman terhadap

makarKu kerana sesungguhnya makarKu itu terlebih sembunyi padamu dari rayapan seekor semut di atas batu Sofa tika malam gelita.

Wahai Anak Adam! Apakah ketika engkau berbuat maksiat menderhakai Aku lalu teringat engkau pada kemurkaanKu maka berhenti engkau dari laranganKu itu? Apakah engkau menunaikan yang fardhu sepertimana perintahKu? Apakah engkau mengagih sebahagian hartamu kepada para fakir? Apakah engkau menghubungi mereka yang memutus hubungan denganmu? Apakah engkau berlaku adil terhadap mereka yang berkhianat terhadapmu? Apakah engkau berbicara dengan mereka yang menjauhimu? Adakah engkau mendidik anak-anakmu dengan adab? Adakah engkau mendapat redha jiran tetanggamu? Apakah engkau telah berbuat baik kepada mereka yang berlaku jahat padamu? Apakah engkau telah memaafkan mereka yang zalim padamu? Apakah kamu telah bertanya alim ulama tentang perkara agama dan duniamu?

Sesungguhnya Aku tidak melihat kepada paras rupamu, juga tidak kepada kecantikanmu, tetapi Aku melihat kepada

hatimu dan Aku meredhoi sifat-sifat ini padamu dan sesungguhnya Aku Maha Melihat apa-apa yang kamu kerjakan.



Wahai Anak Adam! Pandanglah kepada dirimu dan kepada seluruh makhlukKu, jika engkau mendapati ada orang yang lebih engkau hargai dari dirimu sendiri maka serahkanlah kemuliaanmu kepadanya, jika tidak maka muliakanlah dirimu dengan taubat, kuatkanlah dirimu dengan ilmu dan amal.

Itulah yang difirmankan Allah Taala wahai orang-orang yang beriman:

> *"...kenanglah nikmat Allah (yang telah dikurniakanNya) kepadamu serta ingatlah perjanjianNya yang telah diikatNya denganmu, ketika kamu berkata : «Kami dengar dan kami taat",*

dan bertaqwalah kamu kepada Allah sebelum datangnya hari Kiamat; hari yang benar lagi dinampakkan padanya segala kesalahan, hari yang ukurannya lima puluh ribu tahun, hari yang tidak dapat manusia bercakap padanya dan mereka tidak diberi izin lalu mereka minta diuzurkan, hari kecelakaan besar, hari yang dipekik padanya suara yang memekakkan, hari manusia bermuka masam lagi penuh kesulitan, hari yang tidak berdaya sedikitpun seseorang menolong orang lain dan segala urusan pada hari itu dalam kekuasaan Allah, hari penyesalan, hari gempa lagi hari hempukan keras.

Bertaqwalah kamu kepada Allah sebelum datangnya hari gunung-ganang berjalan, sebelum tibanya pembalasan dan disegerakan kebinasaan. Bertaqwalah kamu kepada Allah sebelum tibanya hari jeritan sangkakala dan tiada perlindungan melainkan perlindunganNya, hari gempa yang menyalakan uban di kepala anak kecil dan janganlah kamu menjadi seperti orang yang berkata: “Kami dengar” sedangkan mereka tidak mendengarkan.

Nasihat Kedua Puluh Dua

Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu berzikir mengingat Allah dengan zikir yang banyak dan bertasbihlah mensucikannya pagi dan petang. Allah tabaraka wa taala telah berfirman : Wahai Musa Bin Imran! Wahai Sohibul Bayan! Dengankanlah firmanKu padamu : Akulah Raja yang Maha Kekal, tiada penterjemah antara Aku denganmu. Khabarkan berita gembira kepada pemakan riba dan pemakan harta anak yatim dengan zalim, atau pembuta maksiat dan penipuan bahawa mereka telah mengundang kemurkaan Allah yang Maha Rahman dan menempah tempat di neraka.

Wahai Anak Adam! Jika engkau mendapati hatimu jadi keras, atau badanmu sakit, atau rezekimu sulit, atau kekurangan pada hartamu maka ketahuilah bahawa engkau telah berkata-kata apa yang tidak ada kena mengenanya denganmu.

Wahai Anak Adam! Agamamu takkan lurus sehingga lidahmu lurus, lidahmu takkan lurus sehingga hatimu lurus, hatimu takkan lurus sehingga engkau lebih dahulu malu kepada Tuhanmu.

Wahai Anak Adam! Jika engkau memandang kepada keaiban manusia sedang engkau lupa pada keaibanmu sendiri maka sesungguhnya engkau telah menyukakan syaitan dan menderhaka kepada Allah.

Wahai Anak Adam! Lidahmu adalah singamu; jika engkau melepaskannya dia akan memakanmu dan kebinasaanmu terletak di hujung lidahmu.

Nasihat Kedua Puluh Tiga

Wahai Anak Adam! Sesungguhnya syaitan itu memusuhimu maka jadikanlah dia musuhmu. Dan ketahuilah bahawa sesungguhnya hari yang dibangkitkan kamu kepada Allah berbondong-bondong dengan berdirinya kamu semua dihadapanNya berbaris-baris, dan kamu membaca buku catitan amalanmu huruf demi huruf, dan kamu ditanya tentang amal perbuatanmu yang terang dan sembunyi, kemudian orang-orang bertaqwa akan digiring ke syurga sedang para pendosa diheret ke neraka berdatangan, manakala segala perbuatanmu pasti mendapat balasan dari Allah samada baik atau buruk.

Wahai Anak Adam! Sesungguhnya Aku adalah Allah, tiada Tuhan melainkan Aku, tiada yang menyerupaiku dan tiada kekuasaan selain kekuasaanku. Barangsiapa berpuasa dari umurnya barang sehari demi keranaKu akan Ku jamu iftharnya dengan hidangan-hidangan syurga. Barangsiapa yang beribadah

menghidupkan satu malam demi keranaKu maka dia akan mendapat satu kurnia besar dariKu. Barangsiapa menundukkan matanya dari memandang laranganKu nescaya aku amankan dia dari nerakaKu.

Akulah Tuhan maka kenallah kamu akan Daku. Akulah yang Maha Memberi Nikmat maka bersyukurlah padaKu. Akulah yang Maha Menolong maka mintalah pertolongan dariKu. Akulah tujuan hakiki maka menujulah kamu kepadaKu. Akulah yang Maha Memberi maka mintalah padaKu. Akulah yang maha berhak disembah maka sembahlah Aku dan Akulah yang Maha Mengetahui segala yang tersembunyi dan nyata maka berhati-hatilah terhadapKu.

Nasihat Kedua Puluh Empat

Allah bersaksi (kepada sekalian makhlukNya dengan dalil dan bukti), bahawasanya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, yang sentiasa mentadbirkan dengan keadilan, dan para malaikat serta orang-orang yang berilmu (mengakui dan menegaskan juga yang demikian); tiada Tuhan melainkan Dia; Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. Dialah Tuhan yang meletakkan tiap suatu itu kena pada tempatnya, sesungguhnya agama yang benar di sisi Allah ialah Islam dan barang siapa mengambil selain Islam menjadi agamanya maka takkan diterima segala amalnya dan di Akhirat kelak dia menjadi kalangan orang yang merugi. Wahai Daud! Berilah khabar gembira kepada semua yang melakukan kebaikan bahawa dia akan masuk syurga. Dan sesungguhnya setiap penjahat anak binasa dan sesungguhnya kebinasaannya itu apabila dia menderhakaiKu.

Barangsiapa yang berputus asa dari rahmatKu akan Aku bakar dia di dalam nerakaKu. Barangsiapa mengenal Allah lalu mentaatiNya nescaya dia beroleh kelepasan. Barangsiapa mengenal syaitan lalu tidak mengikutnya nescaya dia beroleh keselamatan. Barangsiapa mengenal kebenaran lalu diikutnya nescaya dia beroleh keamanan. Barangsiapa mengenal kebatilan lalu dielaknya nescaya dia beroleh kemenangan. Barangsiapa mengenal dunia lalu ditolaknya maka murnilah agamanya. Barangsiapa mengenal akhirat lalu dituntutnya nescaya dia akan sampai. Sesungguhnya Allah memberi petunjuk kepada siapa yang dikehendakiNya dan kepadaNya-lah kamu akan dikembalikan.

Wahai Anak Adam! Sesungguhnya Allah telah menjamin rezeki, lalu mengapa engkau khuatir terhadap yang sisa dan saki-baki? (Jika benar engkau meyakini) bahawa rezeki itu semata-mata dari Allah dan dia telah menjamin dan membahagi-bahagikannya maka mengapa engkau bersifat loba? (Jika benar engkau meyakini) bahawa Iblis itu dengan sebenarnya musuh Allah lalu mengapa engkau alpa? (Jika benar engkau

meyakini) bahawa Allah akan mengganti harta yang dinafkahkan lalu mengapa engkau bakhil? (Jika benar engkau meyakini) bahawa hukuman neraka Allah itu benar lalu mengapa engkau berbuat maksiat? (Jika benar engkau meyakini) bahawa melewati titian sirat itu benar lalu mengapa engkau menumpuk harta? (Jika benar engkau meyakini) bahawa ganjaran syurga Allah itu benar lalu mengapa engkau malas? (Jika benar engkau meyakini) bahawa tiap sesuatu itu dengan ketentuan qadha qadarKu serta kehendakKu lalu mengapa engkau takut? (Kamu diberitahu tentang itu) supaya kamu tidak bersedih hati akan apa yang telah luput daripada kamu, dan tidak pula bergembira (secara sombong dan bangga) dengan apa yang diberikan kepada kamu. Dan (ingatlah), Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sombong takbur, lagi membanggakan diri.

Nasihat Kedua Puluh Lima

Wahai Anak Adam! Banyakkanlah perbekalan kerana sesungguhnya jalan yang ditempuh merbahaya dan jauh. Dan jinakkanlah jiwa berdiri dihadapan Allah kerana sesungguhnya Dia yang Maha Mencipta itu Maha Bijaksana.

Perbaikkanlah bahtera kerana sesungguhnya lautannya dalam, ringankanlah muatan kerana sesungguhnya titian sirat itu teramat halus, ikhlaskanlah amal kerana yang menilai itu amat teliti, tangguhkanlah tidurmu ke kubur dan kegembiraanmu tika timbangan amal dan syahwatmu ke syurga dan kelazatanmu kepada bidadari. Jadikanlah dirimu untukKu nescaya Aku menjadi Tuhanmu, dampingilah Aku dengan meremehkan dunia dan menjauhinya serta membenci para penjahat dan mencintai golongan yang baik, sesungguhnya Allah takkan mensia-siakan ganjaran bagi mereka yang berbuat kebaikan.

Nasihat Kedua Puluh Enam

Wahai Anak Adam! Betapa engkau menderhaka padaKu sedangkan engkau mengadu dari kepanasan matahari dan tanah pasir waktu terik; walhal kepanasan neraka jahannam yang lapisnya tujuh tingkat itu saling tambah menambah; di setiap tingkat neraka itu pula tujuh puluh ribu lembah api. Di setiap lembah ada tujuh puluh cawangan api. Di setiap cawangan tujuh puluh ribu rumah api. Di setiap rumah tujuh puluh ribu telaga api. Di setiap telaga tujuh puluh ribu tabut api. Di setiap tabut tujuh puluh ribu pohon zaqqum. Di bawah setiap pohon tujuh puluh ribu belenggu api. Bersama setiap belenggu tujuh puluh ribu rantai api. Di setiap rantai tujuh puluh ribu ular neraka. Panjang seekor ular itu tujuh puluh ribu hasta. Dalam mulut setiap ular itu selaut racun hitam. Di dalam laut itu tujuh puluh ribu kala jengking neraka. Setiap kala itu mempunyai tujuh puluh ribu

ekor dari api. Pada setiap ekor tujuh puluh ribu ruas api. Pada setiap ruas ada racun merah seberat tujuh puluh ribu kati.

Maka dengan namaKu Aku menciptakan. Demi Gunung Tursina. Dan demi Kitab yang tertulis dengan rapi. Pada lembaran surat yang terbuka. Dan Demi «Al-Baitul Makmur». Dan Demi bumbung yang tinggi. Dan Demi laut yang penuh tepu dengan kepanasan. Sesungguhnya azab Tuhanmu tetap berlaku. Tidak ada sesiapapun Yang dapat menolaknya.

Wahai Anak Adam! Tidaklah Aku menciptakan semua neraka ini melainkan untuk para kafir, para bakhil, dan para pengadu domba. Juga buat yang menderhaka kepada dua orang tuanya, serta pendusta dan penghasad, serta yang suka mengaibkan orang lain dan pengumpat. Juga buat lelaki dayus, perompak jalanan, polis yang jahat dan lelaki yang menyerupai perempuan. Juga buat yang memutus silatur rahim, yang bersumpah atas nama Allah dengan bohong, pengkhianat dan yang beramal menunjuk-nunjuk. Juga buat pemakan riba, lelaki zina, orang yang enggan mengeluarkan zakat dari hartanya, orang yang menyakiti jirannya serta pembelot, peminum arak, orang tua yang berzina, orang

yang makan harta anak yatim tanpa hak, perempuan yang meratapi kematian, orang yang lupa ayat Al-Quran yang telah dihafalnya dan juga buat setiap penjahat. (Untuk merekalah diciptakan neraka itu) kecuali bagi yang bertaubat serta beriman dan beramal soleh, maka merekalah yang Allah tukarkan kejahatan mereka dengan kebaikan dan sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

Wahai para hambaKu! Hendaklah kamu mengasihani dirimu! Sesungguhnya badanmu dhaif sedangkan permusafiran terlalu jauh, bebanannya berat, titian sirat terlalu halus, yang meniup sangkakala adalah Israfil, api neraka terus dinyalakan dan hakimnya adalah Tuhan semesta alam.

Nasihat Kedua Puluh Tujuh

Wahai Manusia! Jauhkan dirimu dari keinginan terhadap dunia. Sesungguhnya dunia itu nikmat yang tidak kekal, kehidupan yang berakhir dan syahwat yang binasa.

Dan sesungguhnya Aku menyediakan bagi mereka yang taat syurga-syurga yang berpintu delapan. Pada setiap syurga ada tujuh puluh ribu taman zakfaran. Di setiap taman tujuh puluh ribu kota mutiara dan marjan. Di setiap kota tujuh puluh ribu mahligai yaqut. Di setiap mahligai tujuh puluh ribu kediaman dari zabarjad merah. Di setiap kediaman tujuh puluh ribu rumah dari emas merah. Di setiap rumah tujuh puluh ribu persinggahan dari perak putih. Di setiap persinggahan tujuh puluh ribu hidangan dari madu. Di setiap hidangan tujuh puluh ribu dulang dari permata. Di setiap dulang tujuh puluh ribu menu makanan.

Dan di keliling setiap persinggahan itu tujuh puluh ribu peraduan dari marjan. Di setiap peraduan tujuh puluh ribu tilam dari sutera, dibaj, sundus dan istabraq. Di keliling setiap tilam tujuh puluh ribu sungai dari ma'ul hayat, susu, arak dan madu murni. Di tengah setiap sungai tujuh puluh ribu khemah jaush. Di dalam setiap khemah tujuh puluh ribu tilam. Di atas setiap tilam tujuh puluh ribu bidadari. Sedia mengkhidmati mereka tujuh puluh ribu dayang bagaikan mutiara kemilau.

Di atas puncak setiap mahligai itu tujuh puluh ribu kubah dari kafur dan pada setiap kubah tujuh puluh ribu hadiah dari Tuhan yang Maha Rahman. Pada syurga itu apa yang tak pernah dilihat oleh mata, tak pernah kedengaran oleh telinga dan tak pernah sekali pun terlintas di hati manusia. (Dibawakan kepada mereka) di dalam syurga itu buah-buahan dari jenis-jenis Yang mereka pilih, serta daging burung dari jenis-jenis Yang mereka ingini. Dan (mereka dilayani) bidadari-bidadari yang cantik parasnya, seperti mutiara yang tersimpan dengan sebaik-baiknya. (Semuanya itu) sebagai balasan bagi (amal-amal baik) yang mereka telah kerjakan.

Siapa yang masuk syurgaKu takkan mati selama-lamanya, takkan tua, takkan mengeluh, takkan bersedih. Tiada di syurga itu berjual beli, tiada tangisan, tiada puasa, tiada solat, tiada sakit, tiada duka cita, tiada buang air besar mau pun kecil. Siapa yang masuk ke syurga takkan dikeluarkan selama-lamanya.

Barangsiapa menuntut redhaku maka carilah redhaKu itu pada membahagiakan kaum miskin nescaya redhalah Aku padamu. Barangsiapa menuntut syurgaKu, mahu berjiran denganKu dan mencitakan nikmatKu maka berdampinglah kepadaKu dengan bersedekah, meremehkan dunia dan merasa cukup dengan sedikit.

Nasihat Kedua Puluh Lapan

Wahai Anak Adam! Adapun harta itu milikKu, syurga itu milikKu dan kamu hambaKu. Wahai hambaku! Belilah syurgaKu dengan hartaKu. Sesungguhnya aku menyediakan rangkaian syurga buat mereka yang taat. Dan tiadalah pada kamu dari hartaKu itu melainkan apa yang kamu makan lalu kamu habiskan ia, atau yang kamu pakai sehingga buruk, atau yang kamu sedekahkan lalu kamu pun melepaskannya. Selain dari itu maka hisabnya akan dikira keatasmu dan kebaikannya diberi kepada orang lain. Atau juga yang kamu keluarkan lalu kamu binasakan ia.

Maka sesungguhnya kamu berada pada tiga bahagian; satu untukKu, satu lagi untukmu dan satu lagi antara Aku denganmu. Adapun yang untukKu itu adalah nyawamu, yang untukmu adalah amalanmu, dan yang antara Aku denganmu ialah bagimu berdoa dan keatasKu mengkabulkannya.

Wahai Anak Adam! Jika para pemimpin masuk neraka kerana kezaliman, orang biasa masuk neraka kerana maksiat, para ulama masuk neraka kerana hasad, para peniaga masuk neraka kerana khianat, yang rosak agamanya masuk neraka kerana kejahilan, ahli pertukangan masuk neraka kerana penipuan, ahli ibadah masuk neraka kerana riya', orang kaya masuk neraka kerana sombong dan orang fakir masuk neraka kerana dusta.

Maka manakah yang menuntut syurga? Sesungguhnya mereka takkan masuk syurga



melainkan dengan rahmatKu.

Wahai orang-orang yang beriman! Takutlah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa dan janganlah kamu mati melainkan dalam agama Islam.

Wahai Anak Adam! Sesungguhnya perumpamaan ilmu tanpa amal itu ibarat guruh petir tanpa hujan. Perumpamaan ilmu tanpa amal itu ibarat pohon tidak berbuah. Perumpamaan ilmu tanpa amal itu ibarat busur tanpa panah. Perumpamaan ilmu tanpa amal itu ibarat orang bertanam gandum di atas batu.

Dan perumpamaan ilmu pada si tolol itu seperti intan permata pada binatang ternak. Perumpamaan hati yang keras beserta ilmu itu ibarat batu pejal di dalam air. Perumpamaan nasihat kepada orang yang tidak mahu mendengarkannya ibarat serunai di atas kubur.

Dan perumpamaan memberi sedekah dari harta haram ibarat orang yang membasuh tahi diatas bajunya dengan air kencingnya sendiri. Perumpamaan solat dengan tidak mengeluarkan zakat ibarat jasad tanpa nyawa. Perumpamaan ilmu tanpa taubat ibarat bangunan tanpa asas. Maka tidaklah ada yang merasa aman dari makar Allah melainkan kaum yang merugi.

Nasihat Ketiga Puluh

Wahai Anak Adam! Taatlah kamu kepadaku sebanyak kecenderungan hatimu kepada dunia, jika tidak nescaya akan Aku keluarkan mahabbahKu dari hatimu. Sesungguhnya aku sekali-kali takkan mengimpun cintaKu dengan cinta dunia dalam hati seseorang sepertimana tak pernah sabit air dan api berhimpun dalam satu bejana.

Wahai Anak Adam! Hendaklah kamu bersikap warak nescaya kamu akan mengenalKu. Sembahlah Aku nescaya kamu berhubung denganKu. Kembalilah nescaya kamu melihatKu. Beribadatlah dan tuluskan dirimu hanya beribadat untukKu. Ikhlaskanlah amalmu untukKu dari sifat riya' nescaya sabitlah cintaKu dalam hatimu. Penuhkan dirimu berzikir mengingat Aku nescaya Ku ingat kamu di sisi para malaikatKu.

Wahai Anak Adam! Betapa mahu engkau menuju Allah sedangkan di dalam hatimu itu selain Allah?! Jika benar engkau tahu hak

Allah nescaya takkan engkau mencita selain Allah, takkan kau takut selain Allah. Dengan lidahmu jangan kau zikir selain Allah, jangan engkau mengumpat, jika engkau berbuat dosa maka mohonlah ampun beristighfar kepada Allah. Janganlah kamu istighfar sedangkan kamu degil melakukan dosa itu. Sesungguhnya istighfar serta kedegilan itu adalah taubat para pendusta dan tiadalah Tuhanmu menzalimi hamba-hambaNya.

Wahai Anak Adam! Jika engkaut takut neraka seperti takutnya engkau kepada kefakiran nescaya akan Aku kayakan engkau tanpa engkau menyedarinya. Jika engkau loba kepada syurga seperti lobanya engkau kepada dunia nescaya akan Ku bahagiakan engkau dunia akhirat. Jika engkau berzikir mengingat Aku sepertimana ingatanmu sesama manusia nescaya akan Ku perintah para malaikatKu mengucap salam padamu pagi dan petang. Jika engkau cinta ibadat kepadaKu seperti cintanya engkau kepada dunia nescaya akan Aku mengurniai engkau kemuliaan para anbiya' dan mursalin, maka janganlah engkau mencondongkan hatimu kepada cinta dunia yang amat dekat waktu binasanya.

Apabila setiap dari kamu dihantarkan ke tebing kubur akan diserukanlah padanya tiga kali : Wahai Anak Adam! Majulah bersama amalan yang telah engkau kerjakan; jika baik maka baiklah engkau, jika jahat maka nahaslah engkau!

Apabila sudah diletak ke dalam lahadnya diserukan padanya tiga kali: Wahai Anak Adam! Dulu engkau berjalan di atas muka bumi, sekarang engkau menangis pilu di dalam perutnya.

Apabila diratakan tanah ke atasnya diserukan padanya tiga kali : Wahai Anak Adam! Mereka telah menguburmu dan meninggalkanmu sekarang. Mereka tak dapat menolongmu. Selama ini engkau menghimpun harta lalu sekarang engkau tinggalkannya kepada orang lain sedangkan hisabnya dikira keatasmu dan kebaikannya untuk orang lain. Inilah hari yang ditentutan apakah engkau akan pergi ke syurga yang mulia berbahagia di sana, atau apakah ke neraka yang panas membahang untuk berduka cita.

Tamatlah kitab ini dengan puji-pujian pada Allah



Wahai Anak Adam
Banyakkanlah perbekalan kerana sesungguhnya jalan yang ditempuh merbahaya dan jauh.

Dan jinakkanlah jiwa berdiri dihadapan Allah kerana sesungguhnya Dia Yang Maha Mencipta itu Maha Bijaksana



Senarai Naskah



Murid Sejati

Seruan Makarimul Akhlak

Nasihat Mulia

Fadhilat Kota Makkah

Israk Mikraj - Riwayat Saiyidina Abdullah Ibn Al-Abbas رضي الله عنهما

Adab Perjalanan Menuju Allah

Fardhu Yang Hilang - Amalan Malam Nisfu Sya›ban, Doa-doa dan Selawat Nabi صلى الله عليه وسلم



Nasihat Mulia

Buku ini yang sekarang berada di tangan anda merupakan antara kitab klasik yang amat berharga. Boleh dikatakan kitab yang asalnya berbahasa Arab ini sudah pupus dan tidak dapat ditemui lagi di pasaran buku Timur Tengah, atau kewujudannya sudah dibakul sampahkan sepertimana nasib yang menimpa banyak lagi bacaan bermutu tinggi yang menyuburkan akal dan jiwa dengan pelbagai faedah serta memandu ke jalan bahagia di dunia dan keselamatan di akhirat Insya Allah.

Lembaran buku ini mengandungi mutiara nasihat yang amat dalam sentuhannya, dinukil dari Kitab Zabur baginda Nabi Daud عليه السلام dan beberapa kitab samawi yang diturunkan Allah سبحانه وتعالى kepada para rasulNya 'alaihimus solatu wassalam. Kita bermohon kepada Allah agar merezekikan faham kepada kita seterusnya mengurniai taufik dan kekuatan untuk kita beramal. Semoga mana yang baik dari kandungan buku ini dapat kita ambil, mana yang tak dapat kita fahami atau tak mahu kita fahami pula tidak kita engkari. Marilah kita memeriahkan masa kita dengan amalan selawat dan salam keatas junjungan baginda nabi kita yang merupakan kekasih Allah, pesuruh Allah dan penghulu anak keturunan Nabi Adam -tanpa rasa bangga- lagi junjungan awal dan akhir...

اللهم صلى وسلم وبارك على سيدنا ومولانا محمد
نور الجمال وبهاء الكمال وعلى آله وصحبه وسلم

Penaja Zawiyah As-Syaziliyyah Malaysia
PUSRATU SELANGOR